# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 22 | RABU 28HB MEI, 1980. | 1400 رابو 13 رجب | PERCHUMA


## SIKAP MENANGGOH2KAN KERJA BOLEH MEMBUROKKAN NAMA BAIK KERAJAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sikap menanggoh atau melambat2kan kerja yang boleh di-selesaikan segera boleh memburokkan nama baik kerajaan di-samping tidak dapat menchapai matalamat pelaksanaan dengan baik.

Sikap ini juga akan boleh mengechewakan orang ramai yang sentiasa mengharapkan perkhidmatan yang memuaskan dari pehak Kerajaan.

Kelambatan yang tidak perlu itu sudah pasti boleh menimbulkan kelohan dan sungutan, bahkan kadang2 di-sa-tengah negeri boleh pula menimbulkan kekachauan dan tindakan yang tidak di-ingini.

Demikian satu keraguan yang di-timbulkan oleh Khutbah Jumaat baru2 ini. (Kandongan penoh-nya disiarkan di-muka 5 keluaran hari ini).

Ia mengingatkan bahawa apa yang di-tuntut oleh Islam ia-lah sikap dan 'amalan menyelesaikan kerja2 yang boleh di-selesaikan pada hari ini dengan tidak menanggoh2kan-nya kapada hari esok.

Ini ada-lah salah satu dasar chara bekerja yang baik dalam apa jua bidang dan lapangan pekerjaan dan dasar ini boleh menjamin terchapai-nya kemajuan pekerjaan, kemajuan pekerja dan majikan. Yang utama dari itu ia-lah dasar tersebut boleh meningkatkan kemajuan dan pertambahan kemakmoran bagi sa-sebuah negara.

Jika sikap menanggoh2kan kerja yang boleh di-selesaikan segera itu di-amalkan oleh pegawai2 atau kakitangan sektor Kerajaan, sudah pasti boleh memburokkan nama baik Kerajaan.

Hal ini juga berkemungkinan banyak matalamat yang hendak di-chapai tidak dapat di-laksanakan dengan sempurna sa-lain dari mengechewakan orang ramai yang sentiasa mengharapkan perkhidmatan yang memuaskan dari pehak Kerajaan.

"Kelambatan yang tidak perlu itu sudah pasti boleh menimbulkan kelohan dan sungutan, bahkan kadang2 di-sa-tengah negeri boleh pula menimbulkan kekachauan dan tindakan yang tidak di-ingini", demikian Khutbah itu mengingatkan.

Khutbah itu menyeru supaya di-sedari akan hakikat dan petunjok ugama yang menuntut menyudahkan satiap kerja yang boleh di-sudahkan pada waktu yang sepatut-nya dengan tidak menanggoh2kan kapada suatu masa yang lain.

Sikap ini akan menambahkan lagi mutu perkhidmatan dan meningkatkan lagi kemajuan di-bidang pekerjaan dan perkhidmatan serta menjaga nama baik majikan di-mana kita berkhidmat.



Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid menyampaikan hadiah kapada pemenang pertama bagi pegawai yang beruniform, Awg Bakar bin Haji Sidop.

## Keamanan dan ketenteraman perlu bagi pembangunan rohani dan jasmani

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kadzi Besar Brunei, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid bin Bakal menyeru pegawai2 dan kakitangan kerajaan supaya mematohi kehendak2 ajaran Islam yang menuntut supaya kita berkhidmat sa-chara lurus, berseh dan jujor serta menumpukan taat setia yang sabenar-nya kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Kata-nya perkhidmatan yang berseh dari perbuatan2 yang berlawanan dengan kehendak2 Islam dan Undang2 saperti menyalah-gunakan kuasa untok kepentingan diri sendiri tanpa menghiraukan kepentingan negara dan umom merupakan sabahagian daripada chara2 mengawal keselamatan negara salain daripada tanggong-jawab yang sedia terpikul kapada anggota2 pasokan keselamatan.

Pehin Datu Imam telah beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Pertandingan Membacha Al-Kor'an bagi Pegawai2 dan Kakitangan Jabatan Imigeresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan yang telah berlangsong di-surau jabatan tersebut Jumaat lalu.

Menurut Yang Berhormat Pehin Datu Imam gejala2 yang burok yang berpuncha daripada penyelewangan yang kemudian-nya akan menjejaskan keselamatan negara, akan mudah berlaku seandai-nya ramai pegawai2 dan kakitangan kerajaan mudah gelap mata dan lemah pendirian dalam menghadapi godaan dan chabaran2 yang berupa kemegahan dan kemewahan2 hidup yang di-sogokkan kapada mereka.

Kata-nya, semua pehak ada-lah berkewajipan untok menghindarkan apa jua anasir yang tidak di-ingini yang bertujuan untok membahayakan keselamatan dan menjejaskan keamanan dan ketenteraman yang sedang kita nekmati sekarang.

Kata-nya pembangunan jasmani atau kebendaan dan rohani yang sedang di-tuju oleh negara kita sa-lama ini hanya akan terchapai dengan baik dan sempurna dengan ada-nya keadaan dan suasana yang selamat, aman dan tenteram.

"Kalau negara dalam keadaan kachau bilau, serta keamanan dan ketenteraman terganggu sudah pasti akan terjejas-lah pembangunan2 negara, dan kita akan kehilangan suatu nekmat yang paling mahal bagi diri, masharakat dan negara kita, malah dengan keadaan tersebut akan terganggu-lah kegiatan hidup bahkan juga kegiatan2 ibadat kita kapada Allah."

Memandangkan penting-nya keamanan dan ketenteraman bagi sa-sebuah negara Pehin Datu Imam menyeru supaya kita semua sedia menyedari akan perlu-nya kita berusaha memelihara-nya bagi kepentingan perlaksanaan pembangunan rohani dan jasmani dengan lebeh baik dan berkesan, yang sama2 kita harapkan.

Pertandingan membacha Al-Kor'an itu ia-lah bagi memileh wakil ka-Pertandingan Membacha Al-Kor'an antara Jabatan yang beruniform yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

Dalam bahagian pegawai2 yang beruniform, tempat pertama telah di-menangi oleh Awang Bakar bin Haji Sidup, kedua Awang Razali bin Metussin dan ketiga Awang Suhaili bin Mohd Said. Sementara itu dalam bahagian pegawai2 yang tidak beruniform pula, Awang Abdul Rahman bin Haji Abdul Latif, mendapat tempat pertama; Pengiran Haji Yusof bin Pg Petra pemenang kedua dan ketiga Awang Aji bin Haji Bandol.

### Manis-nya Iman

RASULULLAH bersabda: "Sa-tiap umatku akan masok shorga melainkan orang yang enggan".

Lalu Sahabat2 bertanya: "Siapa-kah orang yang enggan itu wahai Rasulullah?"

Jawab Baginda: "Siapa yang menta'atiku dia akan masok shorga. Dan siapa yang mendurhakaiku maka sa-sunggoh-nya dia telah enggan untok masok shorga". — HADITH Nabi riwayat Al-Bukhari daripada Abu Hurairah.

## Kerjaya tentera berkehendakan sikap tahan lasak

BERAKAS.—Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar menegaskan bahawa kerjaya tentera mengehendaki sikap yang tahan lasak, tegas, berani dan berhemah tinggi serta tabah dalam menjalankan tanggong-jawab kapada bangsa dan negara.

Kata-nya, sa-bagai anggotan tentera, pekerjaan yang di-pikul ada-lah amat berat dan menchabar di-mana tanggong-jawab itu bukan sa-takat keperchayaan ketua2 atasan masing2 sahaja, malahan keperchayaan seluroh raayat dan negara terpikul sama.

Beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan pertandingan Membacha Al-Kor'an bagi Pasokan Pusat Latehan Perkhemahan Bolkiah yang telah di-adakan di-sini pada malam Jumaat yang baru lalu, beliau menambah kata bahawa untok menchapai matalamat tersebut kita mesti-lah mempunyai keimanan yang teguh di-mana keimanan tersebut hanya akan dapat di-jamin dengan berpandukan ajaran2 Al-Koran dan Sunnah serta dasar2 keIslaman.

Menyentoh mengenai dengan pertandingan itu, beliau mensifatkan ia-nya merupakan satu aktiviti dan projek yang berkebajikan bagi anggota2 tentera di-mana peranan mereka bukan sahaja untok menjaga

Lihat muka 16

## J-kuasa Tertinggi Perayaan di-bentok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan2 Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-34 tahun akan di-pinda dari 15hb Julai kapada 15hb September. Pindaan ini di-buat oleh kerana 15hb Julai jatoh dalam bulan Puasa.

Ini telah di-umomkan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar dalam mashuarat pembentokan Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Baginda Sultan yang telah di-adakan di-Pusat Belia pada 10hb Mei yang lalu.

Mashuarat yang telah di-hadhiri oleh lebeh 100 orang itu bersetuju melantek YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah sa-bagai Penaong dan YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz sa-bagai Penasehat.

Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah di-pileh sa-bagai Pengerusi Tertinggi sementara YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein dan Pengiran Omar bin Pg Sabtu masing2 di-lantek sa-bagai Pengerusi Tertinggi I dan II.

Awang Haji Jaya bin Abdul Latif di-lantek semula sa-bagai Setia Usaha Agong. Beliau di-bantu oleh tiga orang Timbalan Setia Usaha Agong. Mereka ia-lah Awang Othman bin Awang Damit; Pengiran Haji Tajuddin bin Pg Anak Hashim dan Awang Zainal Abiddin bin Mohd Tahir.

Lihat muka 16

# Sikap menanggoh2kan kerja tidak patut di-amalkan




SALAH satu perkara yang di-tuntut dan di-puji oleh Islam ia-lah sikap dan amalan menyelesaikan kerja2 yang boleh di-selesaikan pada hari ini dengan tidak menanggoh2kan-nya kapada hari esok. Dalam sa-buah hadith, Rasulullah s.a.w. telah menggesa umat Islam supaya merebut lima perkara sa-belum tiba lima perkara, dan salah satu perkara itu ia-lah masa yang terluang itu hendak-lah di-rebut sa-belum tiba masa yang sebok dengan erti kata yang lebeh jauh masa yang lapang untok menyudahkan sebarang kerja pada hari ini hendak-lah di-pergunakan dengan sepenoh-nya untok menyelesaikan-nya tanpa menanggoh2kan-nya kapada esok hari.

Ini-lah salah satu dasar chara bekerja yang baik dalam apa jua bidang dan lapangan pekerjaan. Kerana dasar ini-lah yang boleh menjamin terchapai-nya kemajuan pekerjaan, kemajuan pekerja dan majikan. Ini-lah dasar yang boleh meningkatkan kemajuan dan pertambahan kemaamoran bagi sa-sebuah negara. Sebalek-nya sikap dan amalan menanggoh2kan kerja yang boleh di-selesaikan pada waktu yang sepatut-nya kapada suatu masa yang lain akan menjanjikan kemajuan tersebut, malahan jika pekerjaan itu berthabit dengan kepentingan orang ramai boleh pula menchetuskan beberapa kesan burok yang menimpa majikan atau orang2 yang berkenaan. Jika sikap sa-demikian itu di-amalkan oleh pegawai dan kaki tangan sa-buah sharikat perniagaan mithal-nya sudah pasti sharikat tersebut akan mundor atau mungkin bingkrap. Sebab itu-lah kita dapat perhatikan pada keselurohan-nya pekerja2 sektor swasta amat rajin dan chergas dalam kerja masing2 seakan2 mereka tidak punya masa untok berehat dan membuang masa ia-itu bagi mempastikan tempat mereka bekerja itu mendapat kemajuan dan keuntongan. Tidak hairan-lah sa-tengah2 sharikat memberikan bayaran bonos kapada pekerja2-nya yang rajin dan chergas.

Jika sikap menanggoh2kan kerja yang boleh di-selesaikan dengan segera itu di-amalkan oleh pegawai2 atau kaki tangan sektor kerajaan pula sudah pasti boleh memburokkan nama baik kerajaan dan mungkin banyak matalamat yang hendak di-chapai tidak dapat di-laksanakan dengan baik dan sempurna, malahan boleh mengechewakan orang ramai yang sentiasa mengharapkan perkhidmatan yang memuaskan dari pehak kerajaan. Kelambatan yang tidak perlu itu sudah pasti boleh menimbulkan kelohan dan sungutan, bahkan kadang2 di-setengah negeri boleh pula menimbulkan kekachauan dan tindakan yang tidak di-ingini.

Di-samping itu amalan menanggoh2kan kerja yang sa-patut-nya boleh di-selesaikan dengan segera itu boleh menambah beratkan lagi kerja sa-orang, kerana kita tidak-lah mengetahui ada-kah kita akan dapat menyudahkan kerja2 kita itu esok hari atau tidak, kerana pada esok hari mungkin ada lagi kerja yang lebeh banyak perlu di-selesaikan. Jika ini berlaku sudah tentu akan bertimbun2-lah kerja yang perlu di-biriskan yang mana akhir-nya semakin sukar untok di-selesaikan dengan segera dan akibat-nya bertimbun2-lah kerja yang belum dapat di-biriskan. Pada hal puncha terbesar-nya terjadi demikian ia-lah sikap dan amalan menanggoh2kan kerja yang sepatut-nya di-selesaikan dengan segera kapada suatu masa yang lain.

Mari-lah kita sedari akan hakikat dan petunjok ugama yang menuntut kita menyudahkan setiap kerja kita yang boleh kita sudahkan pada waktu yang sepatut-nya dengan tidak menanggoh2kan kapada suatu masa yang lain supaya mutu perkhidmatan kita tetap dalam keadaan yang baik dan sempurna dan bagi maksud meningkatkan lagi kemajuan kita di-bidang pekerjaan dan perkhidmatan dan menjaga nama baik majikan di-mana kita berkhidmat.



SA-ORANG gadis Bisaya dari Limbang, Dayang Lai Ah Anie telah memelok Ugama Islam dalam satu majlis yang di-adakan di-rumah Awang Rosli bin Hj Abdul Aziz di-Kampong Sungai Kedayan.

Dayang Lai melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Setia Awg Haji Tamin bin Abdul Hamid (gambar atas).

Beliau memileh nama Islam-nya sa-bagai Masni bte Abdullah.

# Hikmat Sembahyang

**O Bingkisan minggu ini**

IBADAH sembahyang lima waktu boleh-lah di-katakan sa-bagai ibadah yang utama berbanding dengan ibadah2 yang lain. Di-katakan demikian kerana kewajipan bersembahyang telah di-fardzukan ka-atas umat Islam sa-chara langsong daripada Allah s.w.t. kapada Junjongan besar kita Nabi Muhammad s.a.w., ia-itu-lah dalam peristewa Isra' dan Me'raj Baginda yang bersejarah itu.

Intisari, serta hikmat2 yang terkandong dalam ibadah sembahyang ada-lah terlalu banyak di-perkatakan, samada dalam sunnah nabawiyah, maupun dalam Al-Kor'annul-karim. Antara lain hikmat dan intisari tersebut ia-lah, di-katakan sembahyang itu sa-bagai tiang ugama, di-katakan benteng dari aneka serangan kejahatan dan kemungkaran di-katakan bahawa sembahyang itu sa-bagai orang2 yang mendirikan sembahyang sa-bagai golongan yang mendapat kemenangan di-sisi Allah, dan bermacham2 lagi-lah di-katakan tentang hikmat dan keberuntongan bagi mereka yang mentaati ibadah tersebut.

Ibadah sembahyang ada-lah di-wajibkan untok di-tunaikan oleh sa-tiap umat Islam, yang sudah baligh dan berakal dan tidak juga dalam haid dan nifas bagi orang2 perempuan.

Jadi dalam perkara ini, ibadah sembahyang itu ada-lah kewajipan perseorangan, dalam erti kata yang lain siapa yang menunaikan-nya maka dia-lah yang mendapat pahala, dan siapa yang meninggalkan-nya maka dia-lah yang akan mendapat seksa-nya. Dalam hubongan ini kadang2 terdapat sedikit kekeliruan pada setengah orang di-mana di-dapati setengah keluarga ada yang mengeluarkan harta2 tertentu saperti sa-bilangan emas dan perak serta wang, untok sa-seorang yang telah meninggal dunia, di-mana orang yang meninggal itu di-masa hayat-nya jarang mengerjakan ibadah sembahyang. Tujuan mengeluarkan harta2 tersebut sa-bagaimana di-ketahui ada-lah sa-bagai sedekah pengganti ibadah sembahyang yang telah di-tinggalkan-nya, ia-itu-lah sa-bagaimana pembayaran fidyah bagi ibadah puasa atau menghajikan oleh sa-seorang yang lain bagi orang yang belum sempat menunaikan ibadah haji.

Perbuatan yang di-sebutkan itu ada-lah bertentangan sama sekali dengan hukum2 ibadah sembahyang yang sebenar, kerana sa-bagaimana yang di-sepakati oleh imam yang empat bahawa sembahyang itu suatu fardzu atau kewajiban yang tidak dapat di-gantikan oleh harta atau oleh orang lain. Yang demikian perbuatan tersebut sama sekali tidak akan sampai kapada tujuan asal mengeluarkan harta2 tersebut.

Begitu-lah, bagaimana penting-nya ibadah sembahyang itu kapada kita, sesunggoh-nya segala amalan kita tidak akan lengkap seandai-nya ibadah sembahyang kita belum lengkap buat akhir-nya kita perhatikan sepotong sabda Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Abu Hurairah dan Abu Said yang bermaksud:

*"Sesunggoh-nya 'amalan sa-seorang yang mula2 sekali di-perhatikan pada hari kiamat ia-lah sembahyang-nya. Maka jika lurus sembahyang-nya baharu-lah di-lihat amalan-nya yang lain, jika tidak lurus sembahyang-nya maka amalan-nya yang lain-nya tidak akan di-lihat".*

# Wakil D-Belait Kepertandingan membacha Kor'an Sa-Negeri

KUALA BELAIT. — Awg Nordin bin Haji Arshad dan Dayang Maimunah bte Haji Othman akan mewakili Daerah Belait dalam Pertandingan Membacha Kor'an Perengkat Sa-Negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan awal bulan Julai depan.

Mereka itu ia-lah johan qari dan qariah dalam pertandingan membacha Kor'an perengkat Daerah Belait yang telah di-adakan pada 17hb Mei yang lalu.

Pertandingan yang di-adakan di-Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin itu telah di-rasmikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Sementara itu, Awang Johari bin Pehin Penyurat Haji Omar dan Dayang Hajjah Saadiah bte Haji Hussin masing2 akan mewakili Kawasan Brunei I dalam Pertandingan Membacha Kor'an Perengkat Daerah Brunei-Muara.

Mereka telah munchol sa-bagai johan qari dan qariah dalam peraduan pemilehan yang telah di-adakan pada 18hb Mei yang lalu.

# Peraduan zikir dan berzanji

BANDAR SERI BEGAWAN. Kelas zikir Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjorkan peraduan zikir dan berzanji sempena Perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Peraduan zikir yang di-bahagikan kapada Bahagian Lelaki dan Perempuan ada-lah terbuka hanya kapada kelas2 dewasa Jabatan2 Kerajaan, Sekolah2 Menengah, Maktab, kelas2 dewasa Kor'an dan Zikir di-Daerah Brunei-Muara.

Peraduan berzanji pula hanya terbuka kapada peserta2 perempuan.

Borang2 penyertaan boleh di-perolehi dari Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka dan hendak-lah di-kembalikan sa-belum 9hb Jun depan.

# Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu, 28hb Mei, 1980 hingga ka-hari Selasa 3hb Jun, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini :**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 28hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 29hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 30hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 31hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.54 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 1hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 4.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 2hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 4.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 3hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 4.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**



TUGAS kaum wanita sekarang bukan lagi hanya setakat di-rumah tangga sahaja, malahan mereka juga mempunyai kewajipan di-samping membantu suami. Kaum wanita kita di-Kampong Ukong mithal-nya, mereka bekerja bergotong-royong menebas lalang dari menumbohi tanah yang dapat mendatangkan hasil yang memuaskan.

Ranchangan Dunia Wanita minggu ini akan memuatkan rakaman sa-masa hari terbuka peladang2 wanita di-Kampong Ukong, di-Daerah Tutong.

Kelihatan salah sa-orang peladang wanita di-temuramah oleh pegawai ranchangan, Dayang Jamilah Abdullah dan penerbit-nya Dayang Saloma Mahmud.



GAMBAR menunjokkan sa-masa perjumpaan pegawai2 RTB dengan Ahli2 Kelab Radio Maktab Perguruan Hassanal Bolkiah, yang membinchangkan antara lain intisari ranchangan dan lain2 hal bagi memperbaiki lagi mutu persembahan ranchangan Tunas Pendidek.

Ranchangan ini dapat di-ikuti pada tiap2 hari Sabtu, jam 4.30 petang manakala ulangan-nya tiap2 hari Isnin jam 7.30 malam. Ranchangan Tunas Pendidek di-terbitkan untok siaran oleh Saloma Mahmud dari bahagian majallah dan Hal Ehwal Sa-masa.



On last week's Radioscope Dr. Kay, The State Pathologist and Datin Masni Haji Ali, The Microbiologist, talked about how large the computer is, it's cost as well as how useful it is in the lab and wards. This week Dr. Kay touches on how to go about using the computer and the different codes uesd by Doctors, Nurses and technicians. And Awang Yussoff Haji Hassan, the Bio Chemist, tells us about the use of the computer in the Bio Chemisty Lab. The programme, produced by Charan Chand will be broadcast on Friday 30th May at 12.00 noon and a repeat of it can be heard on Tuesday 3rd June at 8.30 p.m.

Picture shows a nurse in the ward asking for the results of the test. This immediately will be available for the treatment and diagnosis of patients illness.





DALAM gambar ini menunjokkan para pelakun yang menjayakan ranchangan "AL-KESAH" dalam tajok "PUTERA HODOH BERKAHWIN" dengan pelakun2-nya Sanip Gador selaku anak raja sementara Dayang Rohana Mohd Taip pendatang baru yang di-perkenalkan oleh penerbit ranchangan ini memegang watak Maya Sari.

Ranchangan ini akan di-siarkan esok jam 5.17 petang.

## Siswazah

SISWAZAH undangan
Masnah bte Pg Muda
ma dan kini memegang
ngah Ugama Raja Is

Pengiran Anak Ma
Shari'ah dari University

Ikuti-lah temuramah
ini pada hari Ahad 1hb
nya hari Rabu jam 7.30

intis
RT
mingg

## Lagu2 Per

BAHAGIAN MELAYU
Permintaan Derma Anak
jelang Hari Raya Aidil F

Di-samping AWDA
supaya akan dapat me
dengan sa-ikhlas hati,
Aidil Fitri.

Bahagian Melayu
Brunei, di-Bandar Sen
Ahad jam 11.00-12.00
2.00 petang (hari tam

BORANG UNTO

NAMA PENDERMA : ...

ALAMAT : ...

BANYAK DERMA : ...

DI-TUJUKAN : ...

UCHAPAN : ...

TARIKH : ...............

## *Anita Sarawak jayakan pertunjokkan*

PENYANYI superstar ANITA SARAWAK yang mempunyai gaya persembahan yang luar biasa akan tiba di-Brunei pada hari Ahad 1hb Jun, 1980 dan membuat dua Pertunjokan Perdana Kutipan Derma di-bawah naongan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pegiran Muda Mohammad Bolkiah pada hari Rabu 4hb dan Khamis 5hb Jun, 1980 bertempat di-Dewan Raya Radio Talivishen Brunei mulai jam 8.00 malam.

Anita salah sa-orang penyanyi vocal yang terkemuka di-Asia telah merakam banyak album lagu2 Melayu dan Inggeris yang mana sangat di-gemari ramai.

Anita baru saja kembali dari Jerman dimana dia telah di-terima untok membuat rakaman album terbaru-nya yang julong2 kali dirakamkan di-negeri Eropah
penyanyi dari Singapura.

Anita telah juga membuat
Honolulu, Monte Carlo, Bangkok,
Lumpur, Berlin, Dubai, Bahrain,
Reno, Osaka, Sydney dan Singap

Anita akan di-iringi oleh
terdiri daripada : Jose Tapia
Rolando C. Javier bermain
Marzuki bermain lead guitar.
Kassim bermain bass guitar dan
main piano dan organ.

Tiket2 berharga $25.00 boleh
bat Sharikat Penerbangan Singap
jualan tiket2 akan di-dermakan
bajikan Kebangsaan Brunei.

Pertunjokan2 Perdana Kutip
bersama oleh Sharikat Penerban
Lembaga Kemajuan Pelanchongan

Jangan lepaskan peluang

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for ·

1) CAT. 4 —
TENDER No. EPS/071-80
Erection of 7' high security fencing for Road Materials Batching — Lorong 10B, Seria.

2) CAT. 4 and 32 —
TENDER No. EPS/072-80
Construction of 3 Nos. R. C. Oil Interceptors at SES Complex.

3) CAT. 6 and 32 —
TENDER No. LEN/074-80
Mechanical works for cleaning of E-18's and main condensers during Train 5 shutdown.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from Contractors (Class B and above) by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon, Tuesday 3rd June 1980 for : —

RENOVATION AND REFURBISHING TO RADIO STUDIO BLOCK AT TELEVISION BRUNEI BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders will be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderers.
4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board, and endorsed as follows :

RENOVATION AND REFURBISHING TO RADIO STUDIO BLOCK AT TELEVISION BRUNEI BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN.

5. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Thursday 22nd May 1980 during normal working hours.
6. The tender deposit will be $500.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders shall be submitted on the form provided with the tender documents.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## KENYATAAN TAWARAN PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang pada 10hb Jun, 1980 untok membekalkan kayu jenis KAPOR BUKIT/SELANGA MERANTI (hanya jenis KAYU MERANTI berketam) kapada Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Brunei saperti sukatan2 berikut:—

2. Pembekalan ini ada-lah untok 1 tahun dengan sharat2 berikut : —

1. 6″ x 6″ x 20′
2. 6″ x 6″ x 18′
3. 6″ x 6″ x 16′
4. 6″ x 6″ x 14′
5. 6″ x 6″ x 12′
6. 4″ x 12″ x 24′
7. 4″ x 12″ x 20′
8. 4″ x 8″ x 18′
9. 4″ x 8″ x 16′
10. 3″ x 6″ x 18′
11. 3″ x 6″ x 16′
12. 3″ x 6″ x 14′
13. 3″ x 6″ x 12′
14. 3″ x 4″ x 18′
15. 3″ x 3″ x 16′
16. 3″ x 3″ x 14′
17. 3″ x 3″ x 12′
18. 2″ x 8″ x 16′
19. 2″ x 4″ x 16′
20. 2″ x 3″ x 18′
21. 2″ x 3″ x 16′
22. 2″ x 3″ x 14′
23. 2″ x 3″ x 12′
24. 2″ x 2″ x 18′
25. 2″ x 2″ x 16′
26. 2″ x 2″ x 14′
27. 2″ x 2″ x 12′
28. 1½″ x 6″ x 16′
29. 1″ x 8″ x 16′
30. 1″ x 8″ x 14′
31. 1″ x 8″ x 12′
32. 1″ x 2″ x 16′
33. 1″ x 2″ x 14′
34. 1″ x 2″ x 12′
35. 2″ x 2″ x 18′
36. 2″ x 2″ x 16′
37. 2″ x 2″ x 14′
38. 2″ x 2″ x 12′
39. 1″ x 8″ x 18′
40. 1″ x 8″ x 16′
41. 1″ x 8″ x 14′
42. 1″ x 8″ x 12′
43. 1″ x 2″ x 18′
44. 1″ x 2″ x 16′
45. 1″ x 2″ x 14′
46. 1″ x 2″ x 12′

(35–46) BERKETAM

1. Kayu yang di-kehendaki oleh Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Brunei hanya akan di-keluarkan oleh Pembekal yang berjaya satelah menerima pesanan sa-chara Indent yang ditanda tangani oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, atau Pegawai yang di-beri kuasa untok menanda tangani pesanan tersebut.
2. Sa-telah menerima pesanan, pembekal yang berjaya, hendak-lah menyediakan dan menghantar kayu2 itu ka-Bengkel Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Batu 3, Jalan Tutong di-antara jam 7.30 pagi hingga 12.15 tengah hari;
3. Pegawai Daerah atau wakil yang di-tugaskan bagi penerimaan kayu yang dipesan berhak menolak sebarang kayu yang di-dapati tidak bersesuaian mengikut pesanan. Pembekal ada-lah bertanggong jawab dan mesti-lah bersedia untok mengganti dengan serta merta kayu2 yang tidak bersesuaian dengan kayu2 yang di-kehendaki dalam pesanan, jika perkara ini terjadi;
4. Pembekal hendak-lah membekalkan kayu yang dipesan sa-lewat2-nya dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pesanan di-buat, jika sekira-nya pembekal gagal untok membekalkan kayu yang di-pesan dalam tempoh di-tetapkan, dengan tidak memberi sebab2 sa-chara bertulis, maka Pegawai Daerah berhak membuat sebarang pesanan kapada pembekal lain dengan persetujuan bersama (Pegawai Daerah/Pembekal lain); jika Pembekal lain tersebut membekalkan kayu2 dengan harga yang tidak sama saperti harga tenderer, maka perbezaan harga kayu tersebut ada-lah di-tanggong oleh tenderer;
5. Bayaran pada tiap2 satu pesanan yang di-buat oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, hanya akan dijelaskan sa-telah di-sahkan bahawa bekalan kayu2 itu ada-lah bersesuaian dengan pesanan dan menchukopi di-segi jumlah dan qualitinya.
6. Pembekal2 yang berhajat untok memasoki tawaran ini mesti-lah menyatakan harga kayu tiap2 satu (1) ton dan nyatakan harga ini termasok upah pengangkutan atau tidak.

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

### TENDER No. 19(TL)/1980

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial, Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei, from Government Registered Contractors who have experience of cutting trees up to 12.00 noon on Tuesday, 3rd June, 1980 for the following:—

WAYLEAVE CLEARING OF 66,000 VOLTS OVERHEAD TRANSMISSION LINES
(A) FROM SUNGAI LIANG TO RAMPAYOH
(B) FROM MILE 8, JALAN TUTONG TO LAMUNIN

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders will be submitted in plain sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the tenderer and shall be marked clearly:—
